

Program beri belia peluang bertemu Presiden Obama

► HISHAM HASIM
hishambh@sph.com.sg

TIDAK ramai orang boleh mengatakan mereka telah bertemu Presiden Amerika Syarikat, Encik Barack Obama.

Namun, itulah yang dapat dialami Encik Abbas Ali Mohamed Irshad, yang berpeluang menemui Encik Obama di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Encik Irshad, 24 tahun, mahasiswa Universiti Pengurusan Singapura (SMU), merupakan antara sekumpulan belia Singapura yang berada di sana untuk menghadiri Bengkel Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) atas undangan pemerintah Amerika Syarikat.

Inisiatif tersebut, yang diumumkan Presiden Obama di Manila pada Disember 2013, bertujuan meningkatkan hubungan antara Amerika dengan Asean melalui bengkel kepimpinan belia, selain mendalami perhubungan antara para pemimpin muda di rantau ini dan memperkasakan pemimpin generasi seterusnya.

Program yang berlangsung lewat April lalu itu dihadiri sekitar 100 wakil belia dari 10 negara Asean dalam lingkungan usia 18 hingga 35 tahun.

Para peserta mengambil bahagian di dalam bengkel pengurusan projek dalam hal-hal seperti sains, teknologi dan keusahawanan dan bertemu pakar dari Asia Tenggara dan Amerika.

Selain Encik Irshad, seorang lagi ialah Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman, 34 tahun, penolong profesor dan penyelar program Malaysia di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam di Singapura.

Bagi peserta peluang bertemu Presiden Obama tentu menjadi agenda penting dalam program tersebut yang diadakan di Universiti Malaya.

Dalam pertemuan itu Encik Obama berkongsi pengalamannya berhubungan dengan rantau Asia Tenggara dan tujuan dasar luar Amerika di rantau ini.

"Sememangnya satu pengalaman menakjubkan bertemu Presiden Obama secara dekat, yang duduk tidak jauh dari kami, sedang beliau membuat ucapan di acara tersebut.

"Saya berpeluang menanyakan khabar beliau dan meluahkan penghargaan saya atas kehadirannya pada hari itu," kata Encik Irshad.

Oleh kerana ia mungkin satu-satunya peluang dalam hidupnya berada dekat dengan pemimpin Amerika itu, seperti trend sekarang mengambil *selfie*, maka Encik Irshad ingin mengambil gambar dengan beliau.

"Namun, Encik Obama sambil tersenyum menjawab secara hormat, "Saya berbesar hati dapat berada di sini, namun tiada *selfie*, kalau tidak saya terpaksa berada di sini sehari suntuk!"

Mengimbau pengalaman itu, Encik Irshad berkata: "Terus terang saya katakan, Encik Obama seorang yang rendah hati dan begitu karismatik."

Dalam program tiga hari itu, tambahnya, beliau dapat berkenalan dan menjalin persahabatan dengan para belia lain yang bermotivasi dan dinamik.

Ia merupakan pengalaman sangat berharga dan memberi manfaat besar kepada golongan belia seperti-tanya, katanya.



BESAR HATI DAPAT JUMPA PRESIDEN: Oleh kerana tidak dapat bergambar secara 'selfie' dengan Encik Barack Obama (*kiri*), Encik Irshad (*kanan*) hanya berpeluang mengambil 'selfie' dirinya sahaja dengan pemimpin Amerika itu berada dekat dengannya. – Foto ihsan ABBAS ALI MOHAMMED IRSHAD